

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JANUARY 2017

Ekoran pengakuan Dr. Mahathir bahawa DAP minta jawatan TPM

Ruang kerjasama Pas, PPBM sudah tertutup

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JAN.

RUANG kerjasama antara Pas dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) diyakini sudah tertutup ekoran pengakuan pengerusi parti tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa DAP ada meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Pengarah Pusat Penyelidikan Pas (PPP), Dr. Mohd. Zuhdi Marzuki berkata, perkembangan terbaharu itu sememangnya mengejutkan dan PPP yakin ia akan merencatkan sama sekali siri pertemuan antara Pas dan PPBM untuk menjalin hubungan kerjasama.

Menurut beliau, buat masa ini, Pas sama ada melalui Majlis Syura Ulama dan Jawatankuasa Kerja Pas Pusat belum membuat apa-apa keputusan untuk bekerjasama dengan PPBM.

Yang ada katanya, hanyalah siri-siri pertemuan dan program bersama untuk menerokai serta menjalin hubungan tersebut.

"Dengan perkembangan terbaharu ini, iaitu adanya pakatan sulit memberi DAP jawatan Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Kewangan, PPP yakin akan menutup terus ruang kerjasama antara Pas dan PPBM.

"PPP juga yakin seluruh pimpinan dan ahli Pas akan menentang keras sebarang tawaran yang ingin diberikan kepada DAP untuk menjawat jawatan-jawatan utama dalam kerajaan seperti Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Portal berita *Malaysia Outlook*

pada 31 Disember lalu melaporkan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mendakwa adanya pakatan sulit antara PPBM dan DAP untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada Kit Siang.

Selain itu, Kit Siang juga dikatakan akan menjadi Menteri Kewangan mengikut pakatan tersebut.

Tunku Abdul Aziz di dalam portal berita yang sama, konsisten dengan dakwaannya malah mencabar Dr. Mahathir dan Kit Siang untuk membuat perakuan bersumpah menafikan tuduhannya.

Dakwaannya Tunku Abdul Aziz itu mulai memperlihatkan kebenaran apabila Dr. Mahathir sendiri mengaku DAP memang meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri seperti dilaporkan oleh portal berita Antarapos, semalam.

um- 21/1/2017

Dengan perkembangan terbaharu ini, iaitu adanya pakatan sulit memberi DAP jawatan Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Kewangan, PPP yakin akan menutup terus ruang kerjasama antara Pas dan PPBM,"

MOHD. ZUHDI MARZUKI
Pengarah Pusat Penyelidikan Pas



DAP pernah minta jawatan TPM

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui DAP pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Menurut beliau, DAP tidak meminta jawatan Perdana Menteri kerana menyedari kaum Cina adalah golongan minoriti di negara ini tetapi menaruh minat untuk mengisi jawatan Perdana Menteri.

Beliau turut mendedahkan bahawa DAP pernah meminta jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Kit Siang.

sokongan parti Melayu yang lain.

"Mereka (DAP) terang-terang kata kepada saya, bangsa Cina ini minoriti dalam negara ini dan DAP tak pernah meminta menjadi Perdana Menteri. Tetapi kalau timbalan itu, adalah..." katanya dalam program Warga Berjaya bersama Tun Dr. Mahathir.



MAHATHIR MOHAMAD

sebelum ini mendedahkan wujudnya pakatan sulit antara Dr. Mahathir dengan Lim Kit Siang untuk menaikkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri, manakala Penasihat DAP itu pula mengisi kerusi nombor dua tertinggi negara.

Mengulas lanjut Mahathir berkata, bukanlah kuat sangat. Masa dalam UMNO kita beri gambaran yang sangat jahat, terlalu banyak yang sepatutnya ia bukan...

KERATAN Utusan Malaysia, semalam.